

- 1 Hubungkait pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan konsep waadat.

(a) Jelaskan konsep waadat dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Terangkan peranan golongan pemerintah berikut:

(i) Sultan

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Pembesar

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Baca petikan rencana di bawah

Raja dan rakyat berpisah tiada begitu sinonim dalam hubungan 'romantis' antara raja dan rakyatnya. Sejarah menunjukkan bahawa sistem beraja terkenal serata dunia.

Malaysia mengamalkan sistem raja berperlembagaan secara berkembar dengan sistem demokrasi berparlimen.

Sumber: <https://www.utusan.com.my>

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan rencana tersebut?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Rajah berikut berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918 di Eropah.

Pakatan	Negara Anggota
Kuasa Tengah	X
Pakatan Bertiga	Y

(a) Nyatakan X dan Y.

X :
Y :

[2 markah]

(b) Mengapakah perang tersebut tercetus?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pada pandangan anda, apakah yang perlu dilakukan oleh warga dunia bagi memastikan keamanan global terus kekal?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3. Kerajaan telah merangka perancangan Satu Juta Rumah Mampu Milik dalam tempoh 10 tahun yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta pihak swasta bagi manfaat rakyat.

Sumber ubah suai: <https://www.pmo.gov.my>

(a) Nyatakan **dua** program perumahan bagi membantu rakyat memiliki rumah di negara kita.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan menjayakan program di (a) ?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



(c) Baca maklumat berikut dengan teliti.

Pada zaman sekarang, memang banyak laporan dan berita tentang rakyat Malaysia tidak mampu untuk membeli rumah kerana harga rumah yang mahal. Masalah ini semakin membimbangkan terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan sekitar Lembah Klang. Perkara itu diakui oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) yang menjelaskan harga rumah di Malaysia bukanlah di paras harga mampu milik.

Sumber ubah suai: <https://deenamik.com/2018/02/3>

Kemukakan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

- 4 Rukun Negara merupakan ideologi negara yang dicetuskan pada 31 Ogos 1970 berikutan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.

(a) Nyatakan dua prinsip Rukun Negara.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Maklumat berikut merupakan prinsip Rukun Negara yang kedua.

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

Bagaimanakah prinsip tersebut dapat mewujudkan keharmonian masyarakat majmuk di negara kita?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Petikan berkaitan dengan ideologi Rukun Negara.

Lima prinsip Rukun Negara bukan hanya setakat perlu dihafal dan dihayati, sebaliknya ia perlu dipraktikkan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini, agar perpaduan lebih utuh dan elakkan sengketa antara kaum.

Sumber: <https://bernama.com>

Bincangkan kepentingan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 5 Komunis telah mula bertindak agresif dan ganas apabila gagal bergerak sebagai parti politik.

Sumber ubahsuai : <https://pustakailmu.arkib.gov.my/>

(a) Jelaskan tindakan agresif dan ganas komunis tersebut. [4 markah]

(b) Terangkan peranan pasukan keselamatan berikut dalam menangani ancaman komunis.

i) Pasukan Polis [4 markah]

ii) Pasukan Tentera [4 markah]

(c) Teliti poster berikut



Ulasakan mesej yang terkandung dalam poster berikut. [8 markah]

6. Maklumat berikut merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan.

Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (PTM), satu perjanjian telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Sumber : Buku Teks Sejarah Tingkatan 4

(a) Terangkan kandungan Perjanjian PTM 1957 dari aspek berikut.

- (i) Kewarganegaraan [3 markah]
- (ii) Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain [3 markah]

(b) Bagaimanakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas pembinaan negara Malaysia?

[6 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia yang dipersetujui oleh negarawan kemerdekaan negara antaranya, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Loke dan Tun V T Sambanthan. Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan.

Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Sumber: www.bharian.com.my

Beri ulasan anda berdasarkan petikan tersebut.

[8 markah]

7. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

(a) Terangkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa berikut:

- i) Eksekutif [3 markah]
- ii) Perundangan [3 markah]

(b) Bagaimanakah pengamalan demokrasi berparlimen dilaksanakan di negara kita? [6 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut. [8 markah]

8 Isu pembangunan dan ekonomi telah dihadapi oleh negara kita selepas pembentukan Malaysia.

(a) Jelaskan isu pembangunan dan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita.

[6 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan menangani isu di (a)?

[6 markah]

(c) Teliti carta pai tersebut.

Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Ekonomi



Sumber: <https://belanjawan.mof.gov.my>

Ulasakan.

[8 markah]




9. Kemampuan Malaysia menangani pelbagai isu global dengan baik telah membuktikan kebijaksanaan pemimpin negara kita

(a) Bagaimanakah Malaysia menyelesaikan isu berikut:

- (i) Pertindihan sempadan [4 markah]
- (ii) Penyakit berjangkit [4 markah]
- (iii) Pemerdagangan orang [4 markah]

(b) Peta berikut berkaitan konflik perebutan sempadan Malaysia dan negara lain.



Pada pendapat anda, mengapakah isu tersebut perlu diselesaikan?

Apakah kesan jika konflik tersebut tidak diselesaikan? [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT